

MARDI tingkat mutu buah-buahan tempatan untuk eksport

BH 24/6/12 MS 40

Mohd Feroz

feroz@bharian.com.my



sai 60 peratus pasaran di Eropah dengan nilai eksport melebihi RM30 juta setahun.

Di Eropah belimbing Malaysia sangat terkenal kerana kualiti tinggi dengan bentuknya yang menarik dan unik.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti buah-buahan tempatan. Pusat Penyelidikan Hortikultur di MARDI, misalnya membantu memajukan 16 jenis buah-buahan tempatan sama ada untuk pasaran tempatan mahupun eksport.

Selain betik, belimbing dan nanas yang diekspor, MARDI melakukan kajian untuk buah-buahan seperti rambutan, mangga, durian, pisang, nangka, tembikai dan 'rock melon'.

Timbalan Pengarah (Program Lepas Tuai) pusat itu, Dr Pauziah Muda, berkata hasil penyelidikan MARDI seperti nanas kini diekspor ke Dubai manakala nangka diekspor ke Hong Kong (termasuk untuk pasaran China).

Mengambil contoh belimbing B10, katanya, selain penyelidikan daripada aspek pembaikbiakan, kaedah tanaman dan pembajaan, teknologi lepas tuai juga penting



Dr Pauziah Muda

untuk meningkatkan dan mengekalkan kualiti buah.

"Hasil kemajuan teknologi yang dibangunkan oleh MARDI, B10 boleh disimpan antara enam hingga lapan minggu sebelum dimanfaatkan pengguna.

"Bagi tujuan eksport seperti ke Eropah, belimbing ini yang disimpan pada suhu 7 darjah Celsius dalam kontena kapal dan tiba di Rotterdam, Belanda dalam masa tiga minggu sebelum diedarkan ke negara lain," katanya ketika ditemui di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Beliau yang memegang ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang

biokimia dan fisiologi lepas tuai dari University of Nottingham, United Kingdom, berkata belimbing B10 adalah buah yang cepat mengalami kerosakan selepas dipetik.

Kerosakan yang berlaku pada setiap peringkat pengendalian akan mempengaruhi kualiti dan tahap penerimaan pada peringkat penggunaan.

Untuk mengawal penurunan kualiti dan kerosakan yang tinggi, pemahaman asas mengenai ciri-ciri fisiologi dan proses metabolik buah itu selepas dituai amat penting. Pengendalian lepas tuai bermaksud usaha untuk mengekalkan kualiti hasil dari peringkat ladang sehingga kepada pengguna.

Usaha itu bermula daripada peneuaian sehingga kepada pengguna dengan membabitkan operasi peneuaian, penggredan, pembungkusan, pengangkutan, penyimpanan dan permasakan.

"Pengendalian lepas tuai bukan saja bertujuan memanjangkan jangka hayat hasil sehingga boleh dipasarkan tetapi dapat juga menyediakan hasil mengikut kehendak dan spesifikasi pembeli.

"Usaha itu juga mengurangkan kadar kehilangan dan kerosakan buah lepas tuai," katanya.

Peningkatan kualiti banyak di-

buat sepanjang rantaian pengendalian bermula dari peneuaian hingga kepada pengguna. Pengendalian yang cermat akan memberi perubahan besar kepada industri hortikultur termasuk pengurangan kehilangan lepas tuai, meningkatkan kualiti, meningkatkan keuntungan dan meningkatkan kepuasan pengguna.

Bagi mendedahkan pengetahuan sains dalam bidang pengendalian lepas tuai kepada orang ramai dan saintis tempatan, MARDI akan menganjurkan simposium di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur selama lima hari bermula Isnin ini.

Simposium itu membabitkan pakar dalam bidang lepas tuai dari seluruh dunia. Ada tiga kertas kerja utama yang akan dibentangkan dan empat bengkel akan berlangsung.

Antara pembentang kertas kerja ialah pakar dari Amerika Syarikat, Dr Shioh Y Wang, Prof Dr Pietro Tonutti dari Itali dan Prof Emeritus Dr Ron B H Wills dari New Castle University, Australia.

Maklumat lanjut mengenai simposium ini, boleh didapati dengan menghubungi 03-89437827 atau melawat laman web <http://postharvest2012.mardi.gov.my>.